

MCA perlu rujuk kepada Setiausaha Agung BN — Tsu Koon

UM 13 DEC 2002

BUTTERWORTH 12 Dis. — Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Dr. Koh Tsu Koon meminta Lembaga Disiplin MCA agar merujuk kepada Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat bagi mendapatkan maklumat mengenai isu dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) MCA yang bersikap berkecuali pada pengundian usul DAP bulan lalu.

Menurut beliau, mengikut prosedur, lembaga itu perlu merujuk kepada BN Pusat untuk memberi maklumat yang diperlukan oleh lembaga tersebut.

Tsu Koon berkata, semua maklumat berhubung isu dua ADUN berkenaan telah dikemukakan oleh beliau dan whip BN, Datuk Dr. Hilmi Yahaya kepada Pengerusi BN Pusat, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Lembaga Disiplin MCA sepatutnya mengemukakan permintaan dengan menggunakan saluran yang betul untuk memperoleh maklumat yang dikehendaki dengan cepat.

“BN negeri sedia memberikan maklumat tambahan yang terperinci kepada BN Pusat jika MCA memerlukan sebarang maklumat saya tidak keberatan untuk mengemukakan salinan laporan yang diperlukan kepada MCA,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) M. S. Elevators Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Perai dekat sini hari ini.

Maklumat

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik semalam dilaporkan berkata, Lembaga Disiplin MCA berhak mendapatkan penjelasan daripada Tsu Koon bagi membantu siasatan kes dua ADUN MCA yang mengambil bersikap berkecuali terhadap usul menangguhkan Projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) pada 21 November lalu.

Pengerusi Lembaga Disiplin MCA, Datuk Kam Woon Wah semalam pula dilaporkan menyifatkan Pengerusi BN Pulau Pinang, Tsu Koon sebagai tiada semangat setiakawan apabila cuba berdolak-dalik berhubung dua wakil rakyat parti itu yang mengambil sikap berkecuali pada persidangan dewan bulan lalu.

Tsu Koon juga kesal dengan tindakan Lembaga Disiplin MCA yang menyiarkan berita mengenai maklumat itu dalam media sebagai satu tindakan yang tidak mesra kerana itu boleh mencetuskan banyak kekeliruan.

“Ini urusan dalaman MCA dan orang luar tidak perlu campur tangan keculi jika mereka membuat permohonan kepada Ibu Pejabat BN yang boleh menghubungi BN negeri untuk tindakan selanjutnya,” ujar beliau.

Di Pulau Pinang, Setiausaha BN Pulau Pinang, **Datuk Seri Khalid Ahmad Sulaiman** juga berkata, tindakan Lembaga Disiplin MCA menghantar surat meminta penjelasan Tsu Koon itu dibuat tanpa menerusi saluran yang betul.

Lembaga itu sepatutnya menghantar surat tersebut melalui Setiausaha Agung MCA kepada Setiausaha Agung BN.

Penjelasan mengenai prosedur tersebut dinyatakan dalam sepucuk surat daripada BN Negeri yang dihantar hari ini sebagai jawapan kepada surat yang dihantar oleh lembaga itu sebelum ini, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.